

Orientasi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dan Implikasi Terhadap Pencapaian Akademik

**PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA
SHAHRIN HASHIM
JAMALUDDIN RAMLI
AHMAD JOHARI SIHES
FAKULTI PENDIDIKAN
UTM**

ABSTRAK: Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar IPTA di Malaysia. Kajian ini melibatkan 250 orang responden yang IPTA dari empat universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Kolej Universiti Institut Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Instrumen kajian yang digunakan adalah inventori yang direka oleh Dunn & Dunn. Satu set borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Dapatan dianalisis melalui komputer menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for Social Sciences) Version 11.0 for Windows bagi mendapatkan jumlah peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai. Kajian rintis telah dijalankan dan didapati nilai Cronbach-Alpha adalah .8512. Hasil kajian mendapati pola gaya pembelajaran Sosiologikal (min = 3.7050) paling dominan mempengaruhi gaya pembelajaran responden dan diikuti oleh pola gaya pembelajaran Psikologikal (min = 3.6112), pola gaya pembelajaran Emosional (min = 3.5291), pola gaya pembelajaran Fizikal (min = 3.4487) dan pola gaya pembelajaran Persekitaran (min = 3.1879). Hasil kajian juga mendapati gaya pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik dan terdapat wujud perbezaan antara gaya pembelajaran dengan bangsa, tahap pendidikan tertinggi, pekerjaan bapa, lokasi tempat kediaman serta pencapaian akademik responden.

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia telah banyak berubah dan matang semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan. Perubahan seperti ini boleh dianggap selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Untuk mencapai Wawasan 2020, bidang pendidikan sentiasa memainkan peranan yang amat penting. Bagi institusi pengajian tinggi, tanggungjawabnya adalah untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran dan berakhlak. Maka, belajar merupakan satu proses yang penting untuk menimba ilmu pengetahuan bagi mengasahkan bakat dan potensi yang ada pada diri pelajar untuk kecemerlangan kerjaya mereka di masa depan.

Secara umumnya, pembelajaran adalah perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat perubahan dalaman dan pengalaman, tetapi bukan disebabkan oleh sifat semulajadi manusia dari segi pertumbuhan atau kematangan, ataupun disebabkan oleh pengaruh dadah atau penyakit. Ini kerana pembelajaran berlaku apabila rangsangan diproses oleh otak seseorang pelajar untuk menjadi pengalaman yang kemudian digunakan untuk sesuatu tingkah laku atau tindakan.

Walau bagaimanapun, pembelajaran bukan hanya berkaitan dengan peningkatan ilmu pengetahuan yang diperolehi tetapi juga berkaitan dengan pemahaman terhadap prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan dalam realiti kehidupan (Hargreaves, 1996). Di mana, pembelajaran

perlu dilihat sebagai perubahan kualitatif seseorang pelajar melihat, mengalami, memahami dan menghayati sesuatu di dunia realiti.

Malangnya, pelajar masa kini sentiasa menghadapi masalah pembelajaran dari segi teknik, strategi, cara, kaedah dan gaya pembelajaran. Menurut Blackmore (1996) mencadangkan bahawa salah satu cara yang boleh membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka ialah dengan memahami pelbagai gaya pembelajaran di kalangan pelajar. Menurut Honey & Mumford (1986) dalam Kajian Irving & William (1995), gaya pembelajaran membolehkan seseorang mengalami proses pembelajaran dengan berkesan. Maka, perhatian kursus terhadap gaya pembelajaran harus diberi penekanan untuk mengatasi masalah pembelajaran pelajar.

Selain itu, gaya pembelajaran juga merupakan komposisi daripada faktor-faktor seperti sifat psikologikal, kognitif dan berkesan yang berperanan sebagai suatu penunjuk mengenai bagaimana seseorang individu bertindakbalas atau berinteraksi terhadap sesuatu suasana persekitaran pembelajaran (Ann Briggs, 2000). Menurut Anita (1995), gaya pembelajaran sebenarnya adalah merujuk kepada cara-cara pelajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh penggunaan bahan teks berbanding dengan penggunaan bahan bergambar, belajar sendirian berbanding dengan bekerjasama dengan orang ramai, belajar dalam situasi tidak berstruktur dan situasi berstruktur dan sebagainya.

Tidak dinafikan bahawa setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Menurut Boon dan Ragbir Kaur (1998), setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Di mana, gaya pembelajaran pelajar adalah ditentukan oleh personaliti diri yang berbeza. Menurut Lee (1998), personaliti seseorang dan perbezaan individu amat mempengaruhi gaya pembelajarannya. Manakala, perbezaan yang dinyatakan dalam konteks ini bukan berkaitan dengan kecerdasan. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Dalam kajian Dunn & Griggs (1995) yang menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran akan mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang tidak menggunakan gaya pembelajaran. Namun begitu, gaya pembelajaran seseorang pelajar mesti diuji dahulu. Ini kerana gaya pembelajaran yang berbeza akan menghasilkan pencapaian yang berlainan (Matthews, 1996).

Latar Belakang Masalah

Pada masa kini, kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi memperoleh pencapaian akademik yang mendatar dan di bawah tahap yang sepatutnya. Pihak institusi pengajian tinggi yang dapat melahirkan pelajar yang meningkat dari segi kuantiti, tetapi bukan dari segi kualiti akan mewujudkan bilangan pelajar yang memperoleh kelas pertama dan kelas kedua tinggi adalah terhad berbanding dengan bilangan pelajar yang memperoleh kelas kedua rendah dan kelas ketiga.

Dalam hasil kajian Zainap (1999) mendapati bahawa majoriti pelajar UTM hanya berjaya memperoleh pencapaian yang sederhana iaitu melebihi setengah daripada bilangan jumlah responden yang terlibat. Hanya sebilangan kecil responden iaitu 3.2 peratus yang memperoleh keputusan yang cemerlang dari segi akademik. Di mana, masih terdapat 5.2 peratus responden yang mempunyai keputusan yang lemah dalam akademik.

Oleh itu, tentu terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kegagalan pelajar institusi pengajian tinggi memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Memang tidak dapat dinafikan bahawa gaya pengajaran pendidik merupakan faktor utama yang menyebabkan kegagalan pelajar memperoleh pencapaian akademik

yang cemerlang. Ini kerana gaya pengajaran yang tidak selaras dengan gaya pembelajaran pelajar boleh menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat berlaku dengan berkesan. Menurut kajian Pask (1976), penggunaan bahan pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar membolehkan pelajar mengasimilasikan dan mengingat pelajaran dengan baik. Selain itu, kualiti dan keberkesanan pembelajaran adalah bergantung sepenuhnya sama ada strategi pengajaran sepadan dengan gaya pembelajaran pelajar.

Gaya pembelajaran pelajar berkait rapat dengan kaedah pengajaran pendidik, bahan, sikap pendidik dan keadaan sekitar (Ramirez, 1990). Dengan itu, pendidik perlu mengenal pasti kaedah pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar di samping mengambil kira lingkungan gaya pembelajaran pelajar (Marjoribanks, 1991). Menurut Dunn (1990) dalam Neely & Alm (1992), pelajar akan memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang sekiranya mereka diajar dengan kaedah pengajaran yang mengikut gaya pembelajaran mereka.

Faktor yang kedua adalah kecerdasan akal yang ada pada seseorang pelajar. Seperti yang diketahui kecerdasan akal berbeza bagi setiap pelajar. Biasanya pencapaian akademik pelajar yang berkecerdasan akal tinggi adalah lebih cemerlang berbanding dengan pelajar yang berkecerdasan akal rendah. Walau bagaimanapun, objektif pembelajaran mungkin tidak dapat dicapai tanpa wujud cara pembelajaran yang berkesan. Menurut Maddox (1970), kecemerlangan dalam pencapaian akademik bukan hanya bergantung kepada kepandaian dan rajin sahaja tetapi juga bergantung kepada cara pembelajaran yang berkesan.

Faktor yang ketiga kegagalan pelajar memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang adalah mereka tidak memahami proses dan gaya pembelajaran (Kolb, 1971). Ini kerana kebanyakan pelajar tidak didedahkan kaedah belajar yang berkesan. Dalam hasil kajian Dunn dan Griggs (1995) juga menunjukkan bahawa pelajar yang tidak dapat memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang adalah berkait rapat dengan gaya pembelajaran dan strategi pembelajaran yang digunakan tanpa mengambil kira taraf sosioekonomi pelajar, bangsa dan kedudukan geografi.

Menurut Davidson (1985), para guru tidak harus berpendapat bahawa semua pelajar boleh melalui proses pembelajaran dengan gaya pembelajaran yang sama. Ini disebabkan setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Pendidik bertanggungjawab untuk mendedahkan setiap pelajar dengan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka dan menggalakkan mereka menggunakan gaya pembelajaran masing-masing untuk memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang. Mana satu jenis gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar adalah tidak begitu penting, yang penting ialah gaya pembelajaran pelajar tersebut mesti diaplikasikan dalam proses pembelajaran. Selagi jenis gaya pembelajaran dapat membantu pelajar mencapai objektif yang dikehendaki, maka jenis gaya pembelajaran itu adalah baik dan sesuai bagi pelajar tersebut.

Sebenarnya kegagalan memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang bukanlah disebabkan oleh ketidakmampuan pelajar berkenaan, tetapi disebabkan oleh pembelajaran di universiti memerlukan keberkesanan dalam kaedah belajar yang betul di kalangan pelajar (Rowntree, 1974). Sekiranya gaya pembelajaran pelajar tersebut dapat dikenalpasti dan dilengkapi dengan garis panduan cara belajar di institut pengajian tinggi, kegagalan pelajar dalam memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang mungkin boleh dielakkan (Hamdan Said, *et. al.*, 2001). Ini kerana pelajar yang mengenalpasti pembelajaran sendiri dapat mempelajari suatu subjek dengan lebih baik kerana maklumat gaya pembelajaran membolehkan mereka memahami proses pemikiran mereka dengan lebih jelas (Felder, 1993). Maka,

kejayaan dan kecemerlangan pelajar dalam pembelajaran sesuatu pelajaran amat bergantung kepada kepelbagaian gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar tersebut.

Pernyataan Masalah

Gaya pembelajaran sangat penting bagi setiap pelajar kerana ia mempunyai daya pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik. Di mana, gaya pembelajaran telah menyediakan suatu mekanisme pembelajaran yang dapat memberi cabaran yang betul kepada pelajar dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian akademik mereka. Hasil kajian oleh Doris (1993) dalam Liau (2000) menunjukkan bahawa gaya pembelajaran akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik maka beliau mencadangkan adalah sesuai jika gaya pembelajaran bagi setiap pelajar diuji. Oleh hal yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia yang dominan iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal dan implikasinya terhadap pencapaian akademik mereka.

Objektif Kajian

Objektif khusus kajian ini adalah untuk meninjau dan mengenalpasti perkara-perkara berikut di kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia.

- (i) Mengetahui pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar IPTA di Malaysia yang dominan iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal, dan psikologikal.
- (ii) Mengetahui tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- (iii) Mengetahui hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Persoalan Kajian

Berhubung dengan objektif kajian yang dinyatakan, berikut adalah persoalan-persoalan kajian:

- (i) Adakah pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar IPTA di Malaysia yang dominan iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal?
- (ii) Adakah tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (iii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut universiti di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut kursus di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut jantina di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut umur di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (viii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut bangsa di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?

- (ix) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut tahap pendidikan tertinggi di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (x) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pekerjaan bapa di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (xi) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pekerjaan ibu di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (xii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut jumlah pendapatan bulanan keluarga di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (xiii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut lokasi tempat kediaman di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?
- (xiv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia?

Hipotesis Kajian

Terdapat hipotesis nol dalam kajian ini, iaitu:

- Hipotesis nol 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut universiti di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut kursus di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut jantina di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut umur di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut bangsa di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut tahap pendidikan tertinggi di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pekerjaan bapa di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pekerjaan ibu di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut jumlah pendapatan bulanan keluarga di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 11: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut lokasi tempat kediaman di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Hipotesis nol 12: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Keentingan Kajian

Bagi pensyarah, mereka dapat mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar untuk menilai jurang perbezaan antara kaedah pengajaran mereka dengan gaya pembelajaran pelajar melalui hasil kajian ini. Maka, pensyarah dapat membaiki kaedah pengajarannya untuk menyesuaikan gaya pembelajaran pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berlaku dengan berkesan. Di samping itu, pensyarah dapat menyediakan rancangan pengajaran yang memenuhi keperluan pelajar dalam pembelajaran mereka.

Bagi pelajar pula, mereka dapat mempelajari kaedah pembelajaran yang lebih berkesan untuk menumpukan perhatian, memproses dan mengingat sesuatu maklumat baru atau susah. Di samping itu, pelajar dapat mengenalpasti gaya pembelajaran tersendiri untuk mencapai pencapaian akademik yang cemerlang. Secara tidak langsung, kekuatan dan kelemahan diri dalam pelajar juga dapat dikenalpasti untuk membantu mereka dapat belajar menuju ke arah kecenderungan diri bagi mengasah bakat dan potensi dirinya dalam pemilihan kerjaya pada masa depan.

Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Menurut Mohd Najib Ghafar (1999), penyelidik tidak akan dapat mengkaji semua perkara yang berkaitan dengan masalah kajian yang berkaitan.

Sampel kajian ini terdiri daripada 250 orang pelajar IPTA dari empat universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Kolej Universiti Institusi Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) sahaja tetapi bukan seluruh pelajar IPTA di Malaysia atas sebab kesuntukan tempoh kajian, kos kajian, dan sumber tenaga manusia.

METODOLOGI KAJIAN

Rekebentuk Kajian

Alat penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik untuk memperolehi maklumat dan data yang diperlukan. Soal selidik digunakan untuk mengenalpasti pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan implikasi terhadap pencapaian akademik. Maklumat pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan gaya pembelajaran pelajar dikumpulkan dalam kajian ini. Jadual 1 merupakan pembolehubah-pembolehubah kajian.

Jadual 1 Pembolehubah Kajian

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Gaya Pembelajaran Pelajar i) Persekitaran ii) Emotional iii) Sosiologikal iv) Fizikal v) Psikologikal 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ CPA (<i>Cumulative Point Average</i> atau Purata Mata Himpunan)

Populasi Dan Sampel

Populasi kajian ini terdiri daripada yang mengikuti pelajar-pelajar IPTA di Malaysia. Seramai 250 orang pelajar yang berbeza kursus dari empat universiti yang berlainan iaitu UTM, UKM, UPM dan KUiTTHO telah diambil sebagai sampel kajian. Bilangan pelajar mengikut universiti dan kursus adalah seperti berikut:

Jadual 2 Bilangan Pelajar Mengikut Universiti Dan Kursus

UNIVERSITI	KURSUS	BILANGAN
UTM	SPA	33
	SPE	21
	SPJ	20
	SPH	28
UKM	BIOLOGI	22
	FIZIK	23
	KIMIA	25
	MATEMATIK	16
UPM	SP	21
	SRT	18
KUiTTHO	PTV	23

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan instrumen berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi tujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada sampel. Soal selidik merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif kerana menerusi kaedah ini maklum balas daripada responden mudah diperolehi. Menurut Mohd. Najib Ghafar (1999), soal selidik juga selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan soal selidik yang berdasarkan skala kadar dengan menggunakan kaedah Likert di mana responden akan memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem). Penggunaan skala kadar dengan menggunakan kaedah Likert adalah kerana sebab-sebab berikut:

- (i) Soal selidik lebih mudah ditadbir setelah dibina dengan baik.
- (ii) Lebih mudah untuk mendapatkan data yang banyak.
- (iii) Maklumat yang diperolehi daripada responden mudah dianalisis.
- (iv) Soal selidik lebih menjimatkan masa, tenaga dan kos.
- (v) Responden lebih mudah dan berani untuk memberikan tindak balas terhadap aspek yang dikaji.

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu kajian yang dijalankan sebelum set soal selidik digunakan dalam kajian sebenar kepada responden. Kajian rintis ini dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan tahap kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan. Menurut Mohd. Majid Konting (1994), kebolehpercayaan memberi darjah kekekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama dan hampir sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi setara. Kajian rintis adalah bertujuan untuk:

- (i) Mengenal pasti masalah yang berhubung dengan pemahaman dan interpretasi terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik.

- (ii) Mendapat maklum balas untuk memurnikan dan memperbaiki item-item dan soalan yang terdapat dalam soal selidik.
- (iii) Mengetahui jangka masa yang diperlukan untuk menjawab item-item yang terdapat dalam soal selidik.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 25 pelajar iaitu 10% daripada jumlah sampel yang digunakan untuk melihat kebolehpercayaan item-item soal selidik. Kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan dan ketepatan instrument pengukuran (Mohd. Majid Konting, 1994). Selain itu, penyelidik dapat melihat sejauh manakah soal selidik yang digunakan dapat menghasilkan keputusan yang relevan, mencapai objektif dan menjawab semua persoalan kajian melalui kajian rintis.

Data yang diperolehi dari kajian rintis ini dianalisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 11.0 for Windows* (SPSS). Setelah analisis dibuat, didapati pekali Alpha bagi keseluruhan item persoalan ialah .8512. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), kajian rintis dijalankan mempunyai kebolehpercayaan soal selidik yang tinggi sekiranya nilai Cronbach-Alpha melebihi .80. Oleh itu, hasil analisis menunjukkan soal selidik berkenaan adalah sesuai digunakan dalam kajian ini.

Penganalisan Data

Borang soal selidik yang dipungut disemak terlebih dahulu, sama ada setiap responden menjawab soal selidik mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh penyelidik sebelum proses penganalisan data dijalankan. Data dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis secara berkomputer dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science Version 11.0 for Windows* (SPSS). SPSS dibina khusus untuk menampung penganalisan data yang banyak berulang dengan cepat dan cekap dengan mengambil kira paras ukuran yang sering digunakan dalam penyelidikan pendidikan.

ANALISIS DATA

Kesimpulan Pola Gaya Pembelajaran Pelajar IPTA di Malaysia yang Dominan Jadual 3 : Tahap Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai bagi Keseluruhan Pola Gaya Pembelajaran (n = 250)

BIL	POLA PEMBELAJARAN	GAYA	MIN	STD. DEVIATION	TAHAP
1.	Persekitaran		3.1879	.34601	Sederhana
2.	Emosional		3.5291	.40436	Sederhana
3.	Sosiologikal		3.7050	.66379	Tinggi
4.	Fizikal		3.4487	.43956	Sederhana
5.	Psikologikal		3.6112	.59676	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3, pola gaya pembelajaran pelajar yang paling dominan adalah sosiologikal iaitu mempunyai nilai min sebanyak 3.5291. Seterusnya diikuti dengan nilai min bagi pola gaya pembelajaran psikologikal (3.6112), emosional (3.5291), fizikal (3.4487) dan persekitaran (3.1879). Jadual 4.68 juga jelas menunjukkan pola gaya pembelajaran sosiologikal berada pada yang tinggi manakala, pola gaya pembelajaran yang lain adalah berada pada tahap yang sederhana.

Persoalan Kajian 2: Mengenal pasti tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia

Jadual 4 : Tahap Pencapaian Akademik Responden Mengikut Frekuensi dan Peratus (n =250)

TAHAP PENCAPAIAN	FREKUENSI	PERATUS
Rendah	1	.4
Sederhana	85	34.0
Tinggi	151	60.4
Cemerlang	13	5.2

Berdasarkan Jadual 4, tahap pencapaian akademik responden adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 60.4 peratus (151) responden berbanding dengan tahap yang sederhana iaitu 34 peratus (85) responden dan tahap yang cemerlang iaitu 5.2 peratus (13) responden. Tahap pencapaian akademik responden yang berada pada tahap rendah adalah .4 peratus (1) responden sahaja.

Persoalan Kajian 3: Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia

Jadual 5 : Nilai signifikan Dan Kekuatan Perhubungan Antara Pola Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Responden (n =250)

POLA GAYA PEMBELAJARAN	SIGNIFIKAN	PEARSON, R
Persekitaran	.145	- .092
Emosional	.147	- .092
Sosiologikal	.004*	- .180
Fizikal	.809	.015
Psikologikal	.009*	- .166

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Jadual 5 menunjukkan bahawa pola gaya pembelajaran sosiologikal dan psikologikal mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik di mana nilai signifikan adalah .004 dan .009. Walau bagaimanapun, kekuatan perhubungan yang ditunjukkan oleh kedua-dua pola gaya pembelajaran hanya berada pada kategori yang sangat lemah dan songsang. Pola gaya pembelajaran persekitaran, emosional dan fizikal pula tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik.

Jadual 6 : Nilai signifikan Dan Kekuatan Perhubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Responden (n =250)

	SIGNIFIKAN	PEARSON, R
Gaya Pembelajaran	.006*	- .174

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Berdasarkan Jadual 6, gaya pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan (.006) dengan pencapaian akademik responden. Manakala kekuatan perhubungannya yang diperoleh menunjukkan perhubungan yang sangat lemah dan songsang ($R = -.174$). Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan bahawa hipotesis nol persoalan kajian ini ditolak iaitu terdapat hubungan signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik responden.

Persoalan Kajian 4: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut universiti di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 7 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Universiti Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	3	.074	.706	.549
Dalam Kumpulan	246	.104		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Jadual 7 menunjukkan min dan nilai signifikan perbezaan gaya pembelajaran mengikut universiti responden. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan universiti responden kerana hipotesis nol persoalan kajian ini diterima, di mana nilai signifikan ialah .549. Di mana nilai min bagi antara kumpulan adalah .074 dan nilai min bagi dalam kumpulan adalah .104.

Persoalan Kajian 5: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut kursus di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 8 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Kursus Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	10	.062	.586	.825
Dalam Kumpulan	239	.106		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Berdasarkan Jadual 8 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan (.825) bagi gaya pembelajaran mengikut kursus responden, di mana nilai min bagi antara kumpulan

adalah .062 dan nilai min bagi dalam kumpulan adalah .106. Keputusan analisis menunjukkan hipotesis nol persoalan kajian ini diterima.

Persoalan Kajian 6: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut jantina di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 9 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Jantina Responden (n = 250)

	BIL	MIN	STD.	df	t	SIGNIFIKAN
Lelaki	93	3.5204	.32388	248	.908	.365
Perempuan	157	3.4821	.32134			

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Berdasarkan Jadual 9 jelas menunjukkan nilai min bagi responden lelaki ialah 3.5204, manakala bagi responden perempuan ialah 3.4821. Hasil analisis juga menunjukkan nilai t ialah .908 dan nilai signifikan .365 yang lebih daripada .05 maka hipotesis nol persoalan kajian ini diterima.

Persoalan Kajian 7: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut umur di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 10 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Umur Responden (n =250)

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	9	.166	1.635	.106
Dalam Kumpulan	240	.101		

Jadual 10 menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan (.106) bagi gaya pembelajaran dengan umur responden di mana nilai min bagi antara kumpulan dan dalam kumpulan adalah .166 dan .101. Hasil analisis ini juga jelas menunjukkan bahawa hipotesis nol persoalan kajian ini adalah diterima.

Persoalan Kajian 8: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut bangsa di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 11 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Bangsa Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	3	.978	10.505	.000*
Dalam Kumpulan	246	.093		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Jadual 11 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan bangsa responden kerana nilai signifikan ialah .00 maka hipotesis nol persoalan kajian ini ditolak. Bagi nilai min bagi antara kumpulan ialah .978 dan nilai min bagi dalam kumpulan ialah .093.

Persoalan Kajian 9: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut tahap pendidikan tertinggi di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 12 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	2	.643	6.467	.002*
Dalam Kumpulan	247	.099		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Jadual 12 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (.002) bagi gaya pembelajaran mengikut tahap pendidikan tertinggi responden di mana nilai min bagi antara kumpulan ialah .643 dan .099 bagi dalam kumpulan. Hasil analisis juga jelas menunjukkan hipotesis nol persoalan kajian ini adalah ditolak.

Persoalan Kajian 10: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pekerjaan bapa di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 13 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Pekerjaan Bapa Responden (n = 250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	3	.421	4.217	.006*
Dalam Kumpulan	246	.100		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Jadual 13 jelas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (.006) bagi gaya pembelajaran mengikut pekerjaan bapa responden di mana nilai min bagi antara kumpulan ialah .421 dan nilai min bagi dalam kumpulan ialah .100. Secara keseluruhannya, hipotesis nol persoalan kajian ini adalah ditolak.

Persoalan Kajian 11: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pekerjaan ibu di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 14: Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Pekerjaan Ibu Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	3	.174	1.685	.171
Dalam Kumpulan	246	.103		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Jadual 14 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pekerjaan ibu responden kerana hipotesis nol persoalan kajian ini diterima, di mana nilai signifikan ialah .171. Nilai min bagi antara kumpulan ialah .174 dan nilai min bagi dalam kumpulan ialah .103.

Persoalan Kajian 12: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut jumlah pendapatan keluarga di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 15 : Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Jumlah Pendapatan Bulanan Keluarga Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	3	.074	.708	.548
Dalam Kumpulan	246	.104		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Berdasarkan Jadual 15 menunjukkan nilai min bagi antara kumpulan dan dalam kumpulan ialah .074 dan .104. Hasil analisis juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan (.548) bagi gaya pembelajaran mengikut jumlah pendapatan bulanan keluarga responden. Oleh itu, hipotesis nol persoalan kajian ini diterima.

Persoalan Kajian 13: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut lokasi tempat kediaman di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 16 : Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Lokasi Tempat Kediaman Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	2	.427	4.220	.016*
Dalam Kumpulan	247	.101		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Berdasarkan Jadual 16 jelas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (.016) bagi gaya pembelajaran mengikut lokasi tempat kediaman responden. Bagi nilai min bagi antara kumpulan ialah .427 manakala nilai min bagi dalam kumpulan ialah .101. Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan bahawa hipotesis nol persoalan kajian ini adalah ditolak.

Persoalan Kajian 14: Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

Jadual 17: Min Dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Gaya Pembelajaran Mengikut Pencapaian Akademik Responden (n =250)

	df	MIN	F	SIGNIFIKAN
Antara Kumpulan	59	.234	3.678	.000*
Dalam Kumpulan	190	.063		

* Signifikan Pada Aras Keertian .05

Jadual 17 menunjukkan min dan nilai signifikan bagi perbezaan gaya pembelajaran mengikut pencapaian akademik responden. Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik responden kerana hipotesis nol persoalan kajian ini ditolak, di mana nilai signifikan ialah .000. Nilai min bagi antara kumpulan ialah .234 manakala nilai min bagi dalam kumpulan ialah .063.

Cadangan Kajian

Berdasarkan kepada dapatan yang telah diperolehi daripada analisis kajian, maka penyelidik ingin mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian dan langkah-langkah ke arah mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran pelajar-pelajar agar pencapaian dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual menjadi lebih bermutu. Cadangan ini melibatkan pihak-pihak yang terlibat dalam konteks pengajaran dan pembelajaran yang umum dan gaya pembelajaran yang khas. Di mana ia melibatkan pihak pelajar itu sendiri, pensyarah, ibu bapa, fakulti dan universiti. Di antara cadangan tersebut adalah seperti butiran yang dinyatakan seterusnya:

1. Pelajar harus mengubah gaya pembelajarannya daripada sikap yang terlalu bergantung kepada pensyarah kepada sikap berdikari, iaitu dapat membebaskan diri daripada belunggu meminta bantuan dan melaksanakan arahan sendiri untuk mempelajari isi kandungan bagi semua kursus yang diikuti. Pelajar digalakkan berfikir, mencari, mengesan, menilai, memilih dan menggunakan segala maklumat yang sesuai untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara berkesan dan membuat keputusan yang betul.
 2. Pelajar perlu mengetahui apakah jenis gaya pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka dan seterusnya menyesuaikan diri untuk menggunakan pendekatan gaya pembelajaran tersebut.
 3. Pensyarah boleh mencampurkan pelajar yang berkeputusan rendah dengan pelajar yang bersifat kolaboratif dalam melakukan sesuatu tugas. Ini dapat meningkatkan kecenderungan pelajar lemah untuk meminati mata pelajaran apabila terdapat desakan lembut secara beransur-ansur daripada rakan sekumpulan (Anuar, 1998).
- 5.3.1** Pensyarah boleh mengubah gaya pengajaran daripada konsep persaingan berbentuk individu dalam kelas kepada persaingan berbentuk kumpulan. Secara tidak langsung, setiap pelajar dalam kelas akan mendapat kebaikan kerana bantuan daripada rakan sekumpulan.

5. Ibu bapa harus memberi kebebasan dan tidak mengongkong anak-anak untuk menggunakan gaya pembelajaran yang tidak sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar masa kini.
6. Fakulti perlu membantu dalam membentuk tabiat belajar yang baik dan persepsi terhadap pembelajaran ke dalam jiwa setiap mata pelajaran.
7. Fakulti boleh mereka bentuk program yang dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemampuan diri mereka dalam menjadi seorang pelajar yang berkualiti.
8. IPTA perlu memberi pendedahan kepada pensyarah tentang kemahiran pengajaran yang dapat memenuhi gaya pembelajaran pelajar.
1. IPTA juga boleh memperbanyakkan seminar dan kursus yang berkaitan dengan gaya pembelajaran pelajar. .

Cadangan Kajian Lanjutan

Dari hasil dan penemuan kajian, penyelidik merasakan perlunya ada satu kajian lanjutan bagi memperkembangkan lagi skop kajian. Antara kajian lanjutan itu adalah seperti:

1. Kajian lanjutan boleh mengkaji gaya pembelajaran pelajar IPTA dengan mengambil sampel daripada semua universiti yang terdapat di Malaysia.
2. Kajian lanjutan dijalankan ke atas kumpulan sampel yang sama dalam masa yang panjang untuk melihat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran seseorang dengan pencapaian akademik mengikut perubahan masa atau tidak.
3. Kajian lanjutan boleh dijalankan untuk melihat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut fakulti universiti .
4. Kajian lanjutan boleh mengkaji hubungkait antara bangsa dan agama terhadap gaya pembelajaran.
5. Kajian lanjutan boleh dijalankan untuk melihat perbezaan antara pelajar yang telah didedahkan kepada pengetahuan gaya pembelajaran dengan pelajar yang tidak didedahkan dengan pengetahuan gaya pembelajaran.

BIBLIOGRAFI

- Amilia Ahmad (1997). "Satu Kajian Mengenai Stail Pembelajaran di Kalangan Pelajar-pelajar SPH di UTM, Kampus Skudai dan Kaitannya Keputusan Peperiksaan Semester." UTM: Tesis Sarjana.
- Anita E, Woolfook (1995). "Educational Psychology." USA: Prentice Hall 126-129.
- Atan Long (1988). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Black T. R. (1998). "Evaluating Social Science Research: An Introduction." Condon: SAGE Productions.
- Dunn R (1995). "Strategies for Educational Diverse Learners." Phi Delta Kappa: Educational Foundation.
- Dunn, Rita & Griggs Shirley A (1995). "A Meta-Analytic Validation of the Dunn &

- Dunn Model of Learning Style Preferences.” *Journal Of Education Research*, vol. 88 (issue 6) hlm 353.
- Hargreave, D.J (1996). “How Undergraduate Students Learn.” *European Journal of Engineering Education*. 21(4) 425-434.
- Haynes, M. E. (1989). “Make every Minute Count, How To Manage Your Time Effectively.” London: Crisp Publication.
- Hills, P. J. and Potter, F.W. (1981). “Educational And Psychological Measurement And Evaluation.” 6th. Ed. Eaglewood Cliffs N.J.: Prentice Hall Inc.
- Honey, P and Mumford, A (1983). “Using Your Learning Style.” Maidenhead: Peter Honey.
- Honey P. & Mumford, A (1992). “The Manual of Learning Style.” Edisi Kedua, United Kingdom: Peter Honey.
- Maddox, H. (1970). “How To Study.” Newton Abbot: David & Charles.
- Neely, R. O. and Alm, D. (1992). “Meeting Individual Needs: A Learning Styles Success Story.” *Clearing House*. Vol. 66. (Issue 2). m.s. 109.
- Pask, G (1976). “Style & Strategies of Learning *British Journal of Learning Psychology*” 40 pp 128-149.
- Percival, F & Ellington, F (1994). “Buku panduan teknologi Pendidikan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ramirez, M (1990). “Learning Behaviors.” In Saracho, Olivio N. “Cognitive Style in Early Education.” London: Gordon And Breach Science Publishers.
- Rashick, M.J Maypole , D.E & Day, D.A (1998). “Improving Field Education Through Kolb Learning Theory.” *Journal Of Social Work Education*.
- Suhana Subahir (1992). “Hubungan Di Antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Mata Pelajaran Teknologi Elektrik di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 SMV-Satu Tinjauan ke Atas SMV Kluang dan SMV Batu Pahat.” UTM: Tesis Sarjana.
- Siti Hawa Munji (1989). “Strategi Belajar: Lulus Peperiksaan.” Kuala Lumpur: Usaha C & L Sdn. Bhd.
- Tan Giok Poo (2003). “Gaya Pembelajaran Tingkatan IV Kelas Reka di Sekolah Menengah Seri Kukup.” UTM: Projek Sarjana Muda.
- Wan Zuraida Wan Hamid (2002). “Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik.” UTM: Projek Sarjana Muda.
- Watkins, D. (1982). “Factors Influencing the Study Methods Of Australia Tertiary Students.” *Higher Education*. Vol. 11. m.s.369-380.
- Zainap Bt Talib (1999). “Gaya Pembelajaran Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Merentasi Fakulti.” UTM: Projek Sarjana.